# PANDUAN PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR MAKTAB RENDAH SAINS MARA



BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH
MARA

# ISI KANDUNGAN


| PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| **Bahagian I: Pendahuluan** | | 4 |
| **Bahagian II: Matlamat & Etika Pelajar** | | 7 |
| **Bahagian III: Kesalahan Dan Hukuman Disiplin Pelajar** | | 8 |
| | | |
| **SEKSYEN A: TINGKAH LAKU PELANGGARAN PROSEDUR** | | |
| 1 | • Berkahwin | 8 |
| 2 | • Kegiatan Politik Anti-Kerajaan | 8 |
| | | |
| **SEKSYEN B: TINGKAH LAKU KERUNTUHAN AKHLAK** | | |
| 3 | • Murtad | 9 |
| 4 | • Melakukan Hubungan Seks | 9 |
| 5 | • Mengandung / Gugur Kandungan / Melahirkan Anak | 9 |
| 6 | • Kegiatan Pelacuran / Gejala Bohsia & Bohjan | 10 |
| 7 | • Menyerupai Jantina Lain | 10 |
| 8 | • Seks Luar Tabii | 10 |
| 9 | • Khalwat | 11 |
| 10 | • Bahan Lucah / Bahan Ganas / Bahan Tidak Bermoral | 11 |
| 11 | • Minuman Keras | 12 |
| 12 | • Judi / Loteri / Pertaruhan | 12 |
| 13 | • Mencederakan Diri Sendiri | 13 |
| 14 | • Mengunjungi Pusat Hiburan / Rumah Urut | 13 |
| 15 | • Meninggalkan Ibadat Asas Fardhu Ain Bagi Pelajar Muslim | 14 |
| | | |
| **SEKSYEN C: TINGKAH LAKU BERUNSUR JENAYAH** | | |
| 16 | • Kematian | 15 |
| 17 | • Pukul / Dera / Seksa / Buli | 15 |
| 18 | • Kecederaan | 16 |
| 19 | • Dadah | 16 |
| 20 | • Rogol / Mencabul | 17 |
| 21 | • Gangguan Seksual | 17 |
| 22 | • Senjata Api / Bahan Peledak | 18 |
| 23 | • Cubaan Membunuh Diri | 18 |
| 24 | • Rompak / Samun | 19 |
| 25 | • Ancaman / Memeras Ugut | 19 |
| 26 | • Pertubuhan Haram / Kongsi Gelap / Kumpulan Aktiviti Keganasan / Ajaran Sesat | 20 |
| 27 | • Senjata / Mercun / Bahan Kimia | 20 |
| 28 | • Mencuri | 21 |
| 29 | • Ceroboh Asrama | 21 |
| | | |
| **SEKSYEN D: TINGKAH LAKU CEMAR IMEJ** | | |
| 30 | • Mencemar Imej Individu Lain / Imej Negara / Imej MRSM atau MARA | 22 |
| | | |
| **SEKSYEN E: TINGKAH LAKU KENAKALAN HOOLIGANISM** | | |
| 31 | • Bahan Khayal / Bahan Perangsang | 23 |
| 32 | • Hasutan / Provokasi | 23 |
| 33 | • Keluar Dari Kawasan Maktab Tanpa Kebenaran | 24 |
| 34 | • Bahan Tembakau / Shisha / Rokok Elektronik (*Vape*) | 24 |

| PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 35 | • Bergaduh | 25 |
| 36 | • Pecah Masuk / Ceroboh | 25 |
| 37 | • Memasuki Kawasan Larangan | 26 |
| 38 | • Membawa Masuk Individu Tidak Berkenaan Tanpa Kebenaran | 26 |
| 39 | • Penyalahgunaan Telefon Bimbit | 27 |
| 40 | • Peralatan ICT / Gajet | 27 |
| 41 | • Peralatan Elektrik / Elektronik | 27 |
| | | |
| **SEKSYEN F: TINGKAH LAKU KEKEMASAN DIRI** | | |
| 42 | • Tatoo / Tindik | 28 |
| 43 | • Rambut | 28 |
| 44 | • Rupa Diri | 28 |
| | | |
| **SEKSYEN G: TINGKAH LAKU KURANG SOPAN** | | |
| 45 | • Makanan Tidak Halal | 29 |
| 46 | • Biadab / Penghinaan | 29 |
| 47 | • Mengintai | 29 |
| 48 | • Keingkaran | 30 |
| | | |
| **SEKSYEN H: TINGKAH LAKU MUSNAH** | | |
| 49 | • Merosakkan Harta / Vandalisme (Nilai Kerosakan RM50.00 Ke Atas) | 31 |
| 50 | • Merosakkan Harta / Vandalisme (Nilai Kerosakan RM49.00 Ke Bawah) | 31 |
| | | |
| **SEKSYEN I: TINGKAH LAKU TIDAK JUJUR** | | |
| 51 | • Pemalsuan / Tipu / Subahat | 32 |
| 52 | • Menipu / Tiru / Subahat | 32 |
| | | |
| **SEKSYEN J: TINGKAH LAKU PONTENG** | | |
| 53 | • Ponteng Hari Persekolahan | 33 |
| 54 | • Ponteng Kelas Atau Aktiviti Maktab | 33 |
| | | |
| **SEKSYEN K: KESALAHAN-KESALAHAN LAIN YANG DIWARTAKAN** | | |
| 55 | • Pelanggaran Peraturan Am / Peraturan Tambahan / Peraturan Tatatertib / Peraturan Yang Diwartakan | 34 |
| | | |
| **SEKSYEN L: KESALAHAN-KESALAHAN LAIN YANG TIDAK TERMAKTUB** | | |
| 56 | • Pelanggaran Peraturan Am / Peraturan Tambahan / Peraturan Tatatertib / Peraturan Yang Tidak Termaktub Dalam Seksyen | 35 |
| | | |
| **SEKSYEN M: TINGKAH LAKU BERULANG** | | |
| 57 | • Kategori Amat Berat | 36 |
| 58 | • Kategori Berat | 36 |
| | | |
| **Bahagian IV: Laporan Kepada Pihak Berkuasa** | | 38 |
| **Bahagian V: Pengurusan Disiplin &Tatatertib Pelajar** | | 39 |
| **Bahagian VI: Am** | | 42 |
| **Bahagian VII: Organisasi Pengurusan Disiplin** | | 43 |
| **Lampiran A: Tahanan Dalam Maktab** | | 53 |

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Lampiran B1: Tatacara / Panduan Merotan & Proses Rayuan** | 54 |
| **Lampiran B2: Contoh Surat Penurunan Kuasa Merotan** | 55 |
| **Lampiran B3: Contoh Borang Rekod Pelaksanaan Hukuman Rotan** | 56 |
| **Lampiran C: Surat Pemberitahuan Hukuman Ke Atas Tindakan Tatatertib** | 57 |
| **Lampiran D: Surat Pertuduhan Pelanggaran Disiplin** | 58 |
| **Lampiran E: Senarai Tugas Pengerusi Dan Setiausaha JPPM, JDM, JDRM, JDB & JRB** | 59 |
| **Lampiran F: Surat Perjanjian Berkelakuan Baik** | 60 |
| **Lampiran G: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Disiplin Maktab (JDM) / Jawatankuasa Disiplin & Rayuan Maktab (JDRM)** | 61 |
| **Lampiran H: Contoh Sinopsis Kes Disiplin** | 62 |
| **Lampiran I1: Laporan Pengaduan** | 63 |
| **Lampiran I2: Keterangan Tertuduh** | 64 |
| **Lampiran I3: Keterangan Mangsa** | 65 |
| **Lampiran I4: Keterangan Saksi** | 66 |
| **Lampiran J: Laporan Penyiasatan** | 67 |
| **Lampiran K1: Carta Alir Tatacara Pengendalian JDM** | 68 |
| **Lampiran K2: Carta Alir Tatacara Pengendalian JDRM** | 69 |
| **Lampiran L: Carta Alir Tatacara Pengendalian Kes Melibatkan Kecederaan** | 70 |
| **Lampiran M: Carta Alir Tatacara Pengendalian Kes Melibatkan Pihak Berkuasa** | 71 |
| **Lampiran N: Prosedur Mengendalikan Barang Rampasan** | 72 |
| **Lampiran O: Rekod Pelanggaran Disiplin Pelajar** | 73 |

# PANDUAN PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR
# MAKTAB RENDAH SAINS MARA

## BAHAGIAN I: PENDAHULUAN

**1. Nama dan Tarikh kuat kuasa**

Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan **Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA** dan hendaklah berkuat kuasa pada 2016.

**2. Pemakaian**

Panduan Pengurusan hendaklah diguna pakai bagi semua pelajar MRSM.

Pelanggaran mana-mana peruntukan ini, akan mengakibatkan pelajar MRSM itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

**3. Tafsiran**

Dalam Panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

**3.1 Perjawatan**

**3.1.1** **'Badan Wakil Pelajar (BWP)'** ertinya Badan Wakil Pelajar Maktab Rendah Sains MARA.

**3.1.2** **'Guru'** ertinya guru Maktab Rendah Sains MARA.

**3.1.3** **'Guru Kanan'** ertinya guru kanan subjek atau ketua unit subjek berkenaan.

**3.1.4** **'Kaunselor'** ertinya Kaunselor atau Guru Bimbingan di Maktab Rendah Sains MARA.

**3.1.5** **'Ketua Guru Asrama'** ertinya Ketua Guru Asrama di Maktab Rendah Sains MARA.

**3.1.6** **'Ketua Jabatan (KJ)'** ertinya Ketua Jabatan Sains atau Ketua Jabatan Matematik atau Ketua Jabatan Bahasa atau Ketua Jabatan Pengajian Am.

**3.1.7** **'Ketua Penolong Pengarah (KPP)'** ertinya Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

**3.1.8** **'Penasihat Homeroom"** ertinya guru penasihat kepada homeroom pelajar.

**3.1.9** **'Pengarah Pendidikan Menengah'** ertinya Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

**3.1.10** **'Pengetua'** ertinya Pengetua Maktab Rendah Sains MARA.

**3.1.11** '**Timbalan Pengarah II (TP II)'** ertinya Timbalan Pengarah II Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

**3.1.12** **'Timbalan Pengetua (HEP)'** ertinya Timbalan Pengetua Hal Ehwal Pelajar

Maktab Rendah Sains MARA.

3.1.13 **'Timbalan Pengetua (HEA)'** ertinya Timbalan Pengetua Hal Ehwal Akademik Maktab Rendah Sains MARA.

3.1.14 **'Timbalan Pengetua (Kokurikulum)'** ertinya Timbalan Pengetua Kokurikulum Maktab Rendah Sains MARA.

## 3.2 Istilah

3.2.1 **'Bahan Khayal'** ertinya apa-apa bahan dalam apa-apa bentuk yang boleh menyebabkan kesan khayal hingga hilang kewarasan akal.

3.2.2 **'Barang** atau **Harta Maktab'** ertinya benda kepunyaan/milik/di bawah kawalan Maktab Rendah Sains MARA.

3.2.3 **'Dadah'** ertinya sebarang jenis dadah atau bahan yang pada masa ini disenaraikan dalam Jadual Pertama di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234).

3.2.4 **'Jawatankuasa Rayuan Bahagian (JRB)'** ertinya Jawatankuasa Rayuan di Bahagian Pendidikan Menengah yang berfungsi mempertimbangkan rayuan disiplin yang dirujuk oleh Jawatankuasa Disiplin Bahagian.

3.2.5 **'Jawatankuasa Disiplin Bahagian (JDB)'** ertinya Jawatankuasa Disiplin di Bahagian Pendidikan Menengah yang berfungsi mengawal tatatertib dan disiplin pelajar MRSM.

3.2.6 **'Jawatankuasa Disiplin & Rayuan Maktab (JDRM)'** ertinya Jawatankuasa Disiplin & Rayuan Pelajar Maktab Rendah Sains MARA.

3.2.7 **'Jawatankuasa Disiplin Maktab (JDM)'** ertinya Jawatankuasa Disiplin Maktab Rendah Sains MARA.

3.2.8 **'Jawatankuasa Penguatkuasaan Peraturan Maktab (JPPM)'** ertinya Jawatankuasa Penguatkuasaan Peraturan Maktab Rendah Sains MARA.

3.2.9 **'Judi'** ertinya aktiviti yang melibatkan apa-apa permainan beradu nasib, atau gabungan beradu nasib dan kemahiran, bagi wang atau nilai wang, dan termasuklah apa-apa pertaruhan atau apa-apa loteri.

3.2.10 **'MARA'** ertinya Majlis Amanah Rakyat yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat 1966.

3.2.11 **'Minuman keras'** ertinya apa-apa minuman yang memabukkan, sama ada atau tidak mengandungi kekuatan alkohol.

3.2.12 **'Pelajar'** ertinya pelajar yang mendaftar di Maktab Rendah Sains MARA.

3.2.13 **'Pusat Hiburan'** ertinya kelab malam, pawagam, karaoke, pusat snooker, fun fair, bowling.

3.2.14 **‘Sesi Kaunseling’** ertinya runding cara bimbingan yang dikendalikan oleh guru bimbingan atau mana-mana individu yang dirujuk oleh guru bimbingan bagi tujuan pemulihan terhadap pelajar yang dijatuhkan hukuman.

3.2.15 **‘Senjata’** ertinya sebarang objek yang boleh mendatangkan bahaya atau kecederaan kepada diri sendiri atau orang lain.

## 4. Pindaan dan Tambahan

MARA berhak pada bila-bila masa untuk membuat sebarang pindaan dan/atau penambahan yang difikirkan perlu kepada peraturan dan yang mana pindaan dan/atau penambahan ini hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada peraturan ini.

# BAHAGIAN II: MATLAMAT & ETIKA PELAJAR

## 1. Matlamat

Matlamat Peraturan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA adalah untuk:-

1.1 Mewujudkan persekitaran persekolahan dan pembelajaran yang selamat, bersih, segar, kemas dan prihatin kepada tanggungjawab diri dan sosial pelajar;

1.2 Membantu pelajar menguruskan diri dan masa dengan berkesan; dan

1.3 Membina budaya kerja yang cemerlang dan berakhlak mulia.

## 2. Etika Pelajar

### 2.1 Kepercayaan Kepada Tuhan

Sentiasa menunjukkan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang percaya kepada Tuhan dan bersyukur atas segala kemudahan dan nikmat yang dikurniakan.

### 2.2 Bersopan Dan Bertatasusila

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang bersopan santun, berpekerti mulia, berbudi bahasa, menghormati ibu bapa, guru-guru, ketua dan rakan-rakan.

### 2.3 Kepatuhan Kepada Undang-Undang

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang berdisiplin dan menghormati Peraturan & Undang-Undang, Agama, Maktab dan Negara.

### 2.4 Menghormati Masa Dan Tanggungjawab

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang menepati masa, rajin dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab.

### 2.5 Mementingkan Kesihatan Dan Kebersihan

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang bersih, sihat, kemas, berwibawa, berketrampilan, menghargai kebersihan dan mencintai alam sekitar.

### 2.6 Berfikiran Positif Dan Bercita-cita Tinggi

Sentiasa menunjukkan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang yakin kepada kebolehan diri sendiri, tidak mudah putus asa, berpandangan jauh, berjiwa besar, patriotik, dinamik, berdaya saing dan bercita-cita tinggi.

# BAHAGIAN III: KESALAHAN DAN HUKUMAN DISIPLIN PELAJAR

## SEKSYEN A: TINGKAH LAKU PELANGGARAN PROSEDUR

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN A/A/01**

| **KESALAHAN** | **Berkahwin** |
|---|---|
| **HURAIAN KESALAHAN** | Mana-mana pelajar yang telah berkahwin dengan mana-mana individu. |
| **HUKUMAN** | • Hilang kelayakan sebagai pelajar MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Maklum kepada pihak BPM. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 (Pindaan 2014). |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN A/A/02**

<table>
<tr><th>KESALAHAN</th><th colspan="2">Kegiatan politik anti-kerajaan</th></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">• Penglibatan dalam apa-apa cara sekalipun dalam kegiatan politik anti-kerajaan; atau/dan<br>• Mempunyai dalam milikan atau di bawah jagaan atau kawalan apa-apa bahan anti-kerajaan; atau/dan<br>• Mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya diedarkan atau dipamerkan, atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian dalam pengedaran atau mempamerkan, apa-apa bahan anti-kerajaan.</td></tr>
<tr><td rowspan="3">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 6 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>III</td><td>• Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">• Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/1999: Larangan Terhadap Penglibatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Staf Sokongan Dan Pelajar Sekolah Dalam Kegiatan Politik Anti-Kerajaan</td></tr>
</table>

## SEKSYEN B: TINGKAH LAKU KERUNTUHAN AKHLAK

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/01**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Murtad** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Apa-apa tingkah laku yang membawa maksud keluar daripada agama Islam melalui pengakuan lisan atau bertulis atau amalan atau pemakaian yang melambangkan agama selain daripada agama Islam; atau<br>• Memiliki atau menyimpan atau mengguna atau mengedar atau membekal sebarang peralatan agama lain; atau |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan : Lapor kepada pihak berkuasa** |
| **SUMBER** | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/02**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Melakukan hubungan seks** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Melakukan persetubuhan melalui penetrasi zakar ke dalam faraj dengan mana-mana individu. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/03**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Mengandung / Gugur kandungan / Melahirkan anak** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Mengandung atau menggugurkan kandungan atau melahirkan anak. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan : Lapor kepada pihak berkuasa** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah. |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/04**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Kegiatan pelacuran / Gejala bohsia & bohjan** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Melanggan pelacur atau melacurkan diri; atau/dan<br>• Menjadi bohsia atau bohjan. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah. |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/05**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Menyerupai jantina lain</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">Berkelakuan atau menampilkan imej pondan atau pengkid.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">• Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008</td></tr>
</table>

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/06**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Seks luar tabii** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Terlibat dengan mana-mana individu melakukan mana-mana hubungan seks luar tabii berikut:<br>• Homoseks: Seks dalam kalangan lelaki sama lelaki (liwat); atau/dan<br>• Lesbian: Seks dalam kalangan perempuan sama perempuan; atau/dan<br>• Bestially: Melakukan seks dengan haiwan; atau/dan<br>• Fetishisme: Lelaki yang suka menyimpan dan mengumpul barang-barang perempuan seperti coli, seluar dalam, rambut, tuala dan sebagainya atau sebaliknya; atau/dan<br>• Seks Oral: Melakukan hisapan kemaluan pasangan. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/07**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Khalwat** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Berkhalwat atau berpasangan dalam keadaan bercumbu-cumbuan atau berpelukan atau berada dalam apa-apa keadaan yang mencurigakan dengan mana-mana individu. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/08**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Bahan lucah / Bahan ganas / Bahan tidak bermoral** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Mempunyai dalam milikan atau dibawah jagaan atau kawalan apa-apa bahan lucah atau ganas atau tidak bermoral; atau/dan<br>• Mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya diedarkan atau dipamerkan, atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian dalam pengedaran atau mempamerkan, apa-apa bahan lucah atau ganas atau tidak bermoral. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Tahanan dalam maktab tidak melebihi 6 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/09**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Minuman keras** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Mempunyai di dalam milikan atau di bawah jagaan atau kawalan apa-apa minuman keras; atau/dan<br>• Memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa minuman keras kepada mana-mana individu; atau/dan<br>• Didapati minum apa-apa minuman keras; atau/dan<br>• Didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakukan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/A/10**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Judi / Loteri / Pertaruhan** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Penglibatan oleh mana-mana pelajar secara individu atau berkumpulan yang menganjur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau perjalanan, apa-apa judi atau loteri atau pertaruhan.<br>• Menyimpan atau memiliki atau menggunakan atau menawarkan atau membekalkan mana-mana alat perjudian. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 9/1977: Menganjur Dan Menjual Loteri Di Sekolah-Sekolah. | |

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/B/01**

| **KESALAHAN** | **Mencederakan diri sendiri** | |
|---|---|---|
| **HURAIAN KESALAHAN** | Bertindak apa-apa cara yang menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan sendiri. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 1 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/B/02**

| **KESALAHAN** | **Mengujungi Pusat hiburan / Rumah urut** | |
|---|---|---|
| **HURAIAN KESALAHAN** | Mengunjungi mana-mana pusat hiburan atau rumah urut. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 1 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN B/B/03**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Meninggalkan ibadat asas fardhu ain bagi pelajar muslim</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">• Mana-mana pelajar beragama Islam yang bertindak tidak menyempurnakan amalan solat fardhu 5 waktu; atau/dan<br>• Mana-mana pelajar beragama Islam yang bertindak tidak berpuasa di bulan Ramadhan dengan sengaja tanpa sebarang pengecualian yang dibenarkan oleh syarak; atau/dan<br>• Mana-mana amalan fardhu ain yang lain.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 4 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 4 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2"></td></tr>
</table>

## SEKSYEN C: TINGKAH LAKU BERUNSUR JENAYAH

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/01**

| **KESALAHAN** | **Kematian** |
|---|---|
| **HURAIAN KESALAHAN** | Menyebabkan kematian mana-mana individu secara sengaja atau tidak sengaja dengan senjata atau tanpa senjata. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/02**

| **KESALAHAN** | **Pukul / Dera / Seksa / Buli** | |
|---|---|---|
| **HURAIAN KESALAHAN** | Memukul atau mendera atau menyeksa atau membuli mana-mana individu secara berkumpulan atau perseorangan. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/03**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Kecederaan</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">Mencederakan atau menyebabkan kecederaan dengan sengaja kepada mana-mana individu dengan apa-apa cara.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">• Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah</td></tr>
</table>

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/04**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td>Dadah</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td>• Mempunyai dalam milikan atau dibawah jagaan atau kawalan apa-apa dadah; atau/dan<br>• Memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah kepada mana-mana individu; atau/dan<br>• Terbukti melalui ujian urin oleh pihak berkuasa; atau/dan<br>• Memakan atau menghisap atau memasukkan ke dalam badan dengan suntikan atau dalam apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah.</td></tr>
<tr><td>HUKUMAN</td><td>• Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td>• Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/2010: Pelaksanaan Ujian Urin Pelajar Sekolah.</td></tr>
</table>

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/05**

| **KESALAHAN** | **Rogol / Mencabul** |
|---|---|
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Melakukan apa-apa cara paksaan persetubuhan dengan mana-mana individu berlainan jantina; atau/dan<br>• Melakukan apa-apa cara kekerasan terhadap hak kehormatan diri mana-mana individu berlainan jantina atau sama jantina. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah. |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/06**

| **KESALAHAN** | **Gangguan seksual** | |
|---|---|---|
| **HURAIAN KESALAHAN** | Melakukan apa-apa cara kelakuan gangguan seksual terhadap mana-mana individu secara lisan atau grafik atau mental atau fizikal yang mengakibatkan ketidakselesaan. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah. | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/07**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Senjata api / Bahan peledak** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Mempunyai dalam milikan atau di bawah jagaan atau kawalan apa-apa senjata api atau bahan peledak; atau/dan<br>• Memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa senjata api atau bahan peledak kepada mana-mana individu. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah. |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/08**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Cubaan membunuh diri** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Perbuatan untuk menamatkan atau menghilangkan nyawa diri sendiri dengan apa-apa cara. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| | **II** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah. | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/09**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Rompak / Samun** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Tindakan merampas serta mengambil harta mana-mana individu dengan apa-apa cara paksaan atau kekerasan. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah. |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/10**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Ancaman / Memeras Ugut** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Tindakan apa-apa cara untuk mengancam atau memeras ugut mana-mana individu. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah. | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/A/11**

| | |
|---|---|
| **KESALAHAN** | **Pertubuhan haram / Kongsi gelap / Kumpulan aktiviti keganasan / Ajaran sesat** |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Menyertai atau terlibat dalam apa-apa pertubuhan haram atau kongsi gelap atau kumpulan aktiviti keganasan atau kumpulan ajaran sesat. |
| **HUKUMAN** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga.<br><br>**Catatan: Laporkan kepada pihak berkuasa.** |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993: Lapor Kepada Polis Salahlaku Yang Berbentuk Jenayah |

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/B/01**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Senjata / Mercun / Bahan kimia</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">• Mempunyai dalam milikan atau di bawah jagaan atau kawalan apa-apa senjata atau mercun atau bahan kimia; atau/dan<br>• Memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa senjata atau mercun atau bahan kimia kepada mana-mana individu.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">• Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.</td></tr>
</table>

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/B/02**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Mencuri</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2"><ul><li>Tindakan apa-apa cara untuk mengambil harta benda atau wang atau maklumat atau dokumen kepunyaan mana-mana individu tanpa pengetahuannya; atau/dan</li><li>Mempunyai dalam milikan atau dibawah jagaan atau kawalan apa-apa yang dicuri; atau/dan</li><li>Memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa yang dicuri kepada mana-mana individu.</li></ul></td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td><ul><li>Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;</li><li>Memulangkan balik barang yang dicuri atau ganti rugi mengikut nilai barang;</li><li>Maklum kepada ibu bapa / penjaga;</li><li>Tandatangan surat akujanji;</li><li>Sesi kaunseling.</li></ul></td></tr>
<tr><td>II</td><td><ul><li>Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;</li><li>Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;</li><li>Memulangkan balik barang yang dicuri atau ganti rugi mengikut nilai barang;</li><li>Maklum kepada ibu bapa / penjaga;</li><li>Tandatangan surat akujanji;</li><li>Sesi kaunseling.</li></ul></td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2"><ul><li>Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008</li><li>Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.</li></ul></td></tr>
</table>

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN C/B/03**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Ceroboh asrama</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">Tindakan ceroboh ke dalam mana-mana bahagian asrama, yang kemasukan di dalamnya dilarang kepada pelajar yang berlainan jantina.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td><ul><li>Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;</li><li>Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;</li><li>Maklum kepada ibu bapa / penjaga;</li><li>Tandatangan surat akujanji;</li><li>Sesi kaunseling.</li></ul></td></tr>
<tr><td>II</td><td><ul><li>Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;</li><li>Maklum kepada ibu bapa / penjaga.</li></ul></td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008</td></tr>
</table>

## SEKSYEN D: TINGKAH LAKU CEMAR IMEJ

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN D/A/01**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Mencemar imej individu lain / imej negara / imej MRSM atau MARA** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Mencemarkan imej individu lain / imej negara / imej MRSM atau MARA dalam apa-apa bentuk sebaran media cetak / sosial / elektronik / digital; atau / dan<br>• Apa-apa tingkah laku atau perlakuan yang boleh menjatuhkan imej individu lain / imej negara / imej MRSM / MARA yang bersabit dengan kesalahan sivil / jenayah oleh pihak berkuasa. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan ‘Ditamatkan Pengajian’ dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

## SEKSYEN E: TINGKAH LAKU KENAKALAN HOOLIGANISM

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN E/A/01**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Bahan khayal / Bahan perangsang** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Mempunyai dalam milikan atau di bawah jagaan atau kawalan apa-apa bahan khayal atau bahan perangsang; atau/dan<br>• Memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa bahan khayal atau bahan perangsang kepada mana-mana individu; atau/dan<br>• Makan melalui mulut atau menghisap atau memasukkan ke dalam badan dengan suntikan atau dalam apa-apa jua cara lain, apa-apa bahan khayal atau bahan perangsang. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

**KATEGORI : AMAT BERAT**
**KOD : SEKSYEN E/A/02**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Hasutan / Provokasi** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Merancang atau menganjur atau menggerak atau menghasut atau membuat provokasi apa-apa isu sehingga mencetuskan pergaduhan, kecederaan, kerosakan dan mengganggu ketenteraman awam. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Bayar ganti rugi nilai kerosakan jika berkenaan;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Bayar ganti rugi nilai kerosakan jika berkenaan;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **III** | • Gantung persekolahan serta-merta selama 2 minggu dan dicadangkan 'Ditamatkan Pengajian' dari MRSM;<br>• Bayar ganti rugi nilai kerosakan jika berkenaan;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga. |
| **SUMBER** | Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008 | |

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN E/B/01**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Keluar dari kawasan maktab tanpa kebenaran</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">Keluar dari kawasan maktab tanpa kebenaran sama ada secara individu atau berkumpulan.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008</td></tr>
</table>

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN E/B/02**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Bahan tembakau / Shisha / Rokok elektronik (Vape)</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">• Mempunyai dalam milikan atau dibawah jagaan atau kawalan apa-apa bahan tembakau atau shisha atau rokok elektronik atau vape; atau/dan<br>• Memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa bahan tembakau atau shisha atau rokok elektronik atau vape kepada mana-mana individu; atau/dan<br>• Makan melalui mulut atau menghisap, apa-apa bahan tembakau atau shisha atau rokok elektronik atau vape.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">• Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/1997: Hukuman Ke Atas Pelajar Menghisap Rokok<br>• SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.6A/1975: Pelajar-Pelajar Menghisap Rokok</td></tr>
</table>

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN E/B/03**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Bergaduh** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Tindakan apa-apa cara untuk bergaduh dengan mana-mana individu atau kumpulan. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah | |

**KATEGORI : BERAT**
**KOD : SEKSYEN E/B/04**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Pecah masuk / Ceroboh** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | Tindakan pecah masuk atau ceroboh ke dalam mana-mana bahagian maktab atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam maktab, yang kemasukan di dalamnya dilarang kepada pelajar amnya dan pecah masuk atau ceroboh bertujuan untuk mengambil harta benda atau wang atau maklumat atau dokumen atau sabotaj atau khianat. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Bayar ganti rugi nilai kerosakan jika berkenaan;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| | **II** | • Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu;<br>• Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;<br>• Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali;<br>• Bayar ganti rugi nilai kerosakan jika berkenaan;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling. |
| **SUMBER** | • Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah. | |

**KATEGORI : SEDERHANA**
**KOD : SEKSYEN E/C/01**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Memasuki kawasan larangan</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">• Tindakan memasuki mana-mana bahagian maktab atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam maktab, yang kemasukan di dalamnya dilarang kepada pelajar pada waktu larangan yang telah ditetapkan oleh pihak maktab; atau/dan<br>• Tindakan memasuki mana-mana bahagian maktab atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam maktab, yang kemasukan di dalamnya dilarang kepada pelajar amnya.</td></tr>
<tr><td rowspan="3">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Tahanan dalam maktab 1 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>III</td><td>• Gantung persekolahan tidak melebihi 1 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">• Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008<br>• Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Disiplin Dan Guru Sekolah.</td></tr>
</table>

**KATEGORI : SEDERHANA**
**KOD : SEKSYEN E/C/02**

<table>
<tr><td>KESALAHAN</td><td colspan="2">Membawa masuk individu tidak berkenaan tanpa kebenaran.</td></tr>
<tr><td>HURAIAN KESALAHAN</td><td colspan="2">Tindakan apa-apa cara membawa mana-mana individu atau kumpulan individu yang tidak berkenaan atau tidak berkaitan termasuk waris memasuki mana-mana kawasan di dalam maktab tanpa kebenaran bertulis dari pihak maktab.</td></tr>
<tr><td rowspan="3">PILIHAN HUKUMAN</td><td>I</td><td>• Tahanan dalam maktab 1 minggu;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>III</td><td>• Gantung persekolahan tidak melebihi 1 minggu;<br>• Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji;<br>• Sesi kaunseling.</td></tr>
<tr><td>SUMBER</td><td colspan="2">Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar Maktab Rendah Sains MARA 2008</td></tr>
</table>

**KATEGORI : SEDERHANA**
**KOD : SEKSYEN E/C/03**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Penyalahgunaan telefon bimbit** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Tindakan menggunakan telefon bimbit pada tempat larangan atau waktu larangan dan semasa program rasmi. | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Telefon dirampas;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji. |
| | **II** | • Rotan secara tertutup 1 kali;<br>• Telefon dirampas;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji. |
| **SUMBER** | | |

**KATEGORI : SEDERHANA**
**KOD : SEKSYEN E/C/04**

| | | |
|---|---|---|
| **KESALAHAN** | **Peralatan ICT / Gajet** | |
| **HURAIAN KESALAHAN** | • Membawa, memiliki, mengguna atau menyimpan peralatan ICT / Gajet yang tidak didaftarkan dengan maktab.<br>• Menyalahgunakan peralatan ICT / gajet | |
| **PILIHAN HUKUMAN** | **I** | • Peralatan ICT/Gajet dirampas;<br>• Maklum kepada ibu bapa / penjaga;<br>• Tandatangan surat akujanji. |
